



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Perlis
Kampus Arau

Buletin InTouch

@ UiTM Cawangan Perlis

Edisi:
2022



Mendukung Misi GRU2025

Fokus Utama Amanat Rektor
UiTM Cawangan Perlis Bagi
Tahun 2022

Menarik di dalam



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kerjasama
Bersama Korea Sports Promotion Foundation
(KSPO) Korea Selatan



Program Hari Hutan Sedunia (21 Mac),
Hari Air Sedunia (22 Mac) dan Ulang Tahun
Penubuhan Trash Hero Perlis Yang Ke-3



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kongsi
Kepakaran Kepada Komuniti
Orang Asli Melalui ESKOM
2022



Majlis Menandatangani Memorandum
Perjanjian (MoA) Antara Universiti
Teknologi MARA (UiTM) Dengan
Universitas Gajah Mada (UGM)
Indonesia

I-CPROM MEMBENTUK KEMAHIRAN MULTIMEDIA DAN MENGASAH BAKAT PENGACARAAN

Oleh:
Eliy Nazira Mat Nazir
Dr. Norziana Yahya

Kangar, 28 September 2022 - UiTM Cawangan Perlis hari ini menyahut seruan dan saranan kerajaan mendepani Era Digitalisasi menerusi penganjuran Pertandingan International Competitive Programming & Multimedia Competition (I-CPROM).

Pertandingan anjuran Jabatan Sains Komputer dari Fakulti Sains Komputer & Matematik, UiTM Cawangan Perlis ini telah menerima sebanyak 85 penyertaan dari institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara dengan sebanyak 2 kategori dipertandingkan.



Pada tahun ini juga, I-CPROM 2022 telah mendapat kerjasama dari pelbagai rakan strategik dalam dan luar negara antaranya adalah APTIKOM, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel (UIN), Politeknik Caltex Riau, Prince of Songkla University (PSU), UTM SPACE, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), UNIMAP, UNIKL, MITEC, USM/PTPM, IACT College, UiTM Cawangan Terengganu, UiTM Cawangan Perak, UiTM Cawangan Sarawak, UiTM Cawangan Merbok, UniUtama Sdn Bhd dan Sektor Sumber Teknologi Pendidikan Negeri Perlis (SSTP Jabatan Pendidikan Negeri Perlis), serta menerima penajaan dari pelbagai pihak termasuk, MSB Security Sdn Bhd, Kawalan Keselamatan BG Sdn Bhd, The Clove Mont Resort, Augy Global Marketing Sdn Bhd, SSTP, Dr Kadir Gleneagles Medini Hospital dan Dr Moideen Poliklinik Puteri dan Surgery, Skudai, Johor.

Rektor dalam ucapannya berkata, program C-PROM Antarabangsa ini dilihat sebagai satu platform bagi meningkatkan bakat, kreativiti, dan pemikiran kritis pelajar dalam bidang pengacaraan dan multimedia. Program ini juga bertindak sebagai platform untuk menapis dan memilih pelajar berpotensi untuk mewakili universiti ke pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa .

